



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN DASAR DENGAN MANIFESTASI PENERBITAN DALAM
NOVEL POPULAR TERPILIH***

NURSUHADA BINTI MD ARIFIN

FBMK 2018 58



**HUBUNGAN DASAR DENGAN MANIFESTASI PENERBITAN DALAM
NOVEL POPULAR TERPILIH**

Oleh

NURSUHADA BINTI MD ARIFIN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Oktober 2017

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

HUBUNGAN DASAR DENGAN MANIFESTASI PENERBITAN DALAM NOVEL POPULAR TERPILIH

Oleh

NURSUHADA BINTI MD ARIFIN

Oktober 2017

Pengerusi : Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan yang berlegar soal perlunya untuk diusahakan satu kajian ilmiah bagi meneliti novel-novel terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dan PTS Sdn. Bhd. antara tahun 2010 hingga 2014, selain membandingkan novel-novel terbitan kedua-dua syarikat penerbitan tersebut. Dengan permasalahan ini, kajian ini menetapkan tiga objektif, iaitu meneliti dasar-dasar penerbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dan PTS Sdn. Bhd., menganalisis isi kandungan novel-novel terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dan PTS Sdn. Bhd., dan membandingkan antara Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dengan PTS Sdn. Bhd., dari segi dasar penerbitan dan manifestasinya dalam novel-novel yang dikaji. Bagi merealisasikan tiga objektif tersebut, kajian ini menerapkan Sosiologi Sastera yang falsafah serta prinsipnya, melahirkan “Kaedah Integrasi dalam Kajian Sastera”. “Kaedah Integrasi dalam Kajian Sastera” ini menggariskan aspek Dimensi Seni dan aspek Dimensi Sosial yang dianggap melingkungi penghasilan teks sastera. Dengan meneliti kedua-dua aspek tersebut, kajian ini memilih 4 buah novel; 2 terbitan terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd., iaitu *Relasi* (2013) karya Hilal Asyraf, dan *Tuhan Lebih Saintifik* (2013) karya Farhan Hadi, manakala 2 lagi terbitan PTS Sdn. Bhd., iaitu *Syahadah Gadis Ateis* (2010) karya Imran Haaz dan *Hantaran Kasih Tuhan* (2014) karya Noorfadzillah Omar. Hasil analisis mendapati Galeri Ilmu Sdn. Bhd. menggariskan dasar penerbitan yang dirujuk sebagai garis panduan penerbitan “Novel Tarbiah”, manakala PTS Sdn. Bhd. pula menggariskan dasar penerbitan yang dirujuk sebagai “Teknik Surah Yusuf”. Hasil analisis juga mendapati novel-novel yang dikaji rata-rata menyerlahkan kemantapannya sebagai sebuah cerita, sebagaimana yang terserlah pada manipulasi alat-alat penceritaan seperti tema, pengajaran, watak dan perwatakan, plot dan latar. Begitu juga aspek Dimensi Seni dan aspek Dimensi Sosial yang didapati saling memainkan peranan penting dalam penghasilan serta penghayatan novel-novel popular terbitan kedua-dua syarikat. Secara perbandingan, dan keseluruhannya, baik Galeri Ilmu Sdn. Bhd. mahupun PTS Sdn. Bhd., masing-masing mempunyai dasar penerbitan dengan kriteria-kriteria penerbitan yang jelas, sejajar dengan visi dan prinsip penerbitan kedua-dua syarikat, serta dimanifestasikan pula dalam novel-novel popular terbitan kedua-dua syarikat. Penemuan-penemuan ini

diharap dapat sekurang-kurangnya menyumbang dalam memperkayakan lagi korpus penyelidikan ilmiah khususnya berkaitan novel-novel popular.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in Fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

THE FUNDAMENTAL RELATIONSHIP BETWEEN PUBLISHING POLICY AND ITS MANIFESTATION IN THE SELECTED POPULAR NOVELS

By

NURSUHADA BINTI MD ARIFIN

October 2017

Chairman : Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This thesis stems from the hovering issues regarding the need for an academic research to analyze the novels published by Galeri Ilmu Sdn. Bhd. and PTS Sdn. Bhd. between the year of 2010 and 2014, and to compare the novels published by the two publishing companies. These issues drive this study to establish three objectives which are examining the publishing policies of Galeri Ilmu Sdn. Bhd. and PTS Sdn. Bhd., analyzing the contents of the novels published by Galeri Ilmu Sdn. Bhd. and PTS Sdn. Bhd., and comparing Galeri Ilmu Sdn. Bhd. with PTS Sdn. Bhd. in terms of its publishing policies and manifestation in the studied novels. In order to achieve these three objectives, this study implements the Sociology of Literature where its philosophy and principles produces the "Integration Method in Literary Studies". This "Integration Method in Literary Studies" outlines the Art Dimension aspect and the Social Dimension aspect that are considered to be included in producing literary texts. By studying both aspects, this study selects four novels; two novels published by Galeri Ilmu Sdn. Bhd., which are *Relasi* (2013) by Hilal Asyraf, and *Tuhan Lebih Saintifik* (2013) by Farhan Hadi, whereas the other two novels are published by PTS Sdn. Bhd., which are *Syahadah Gadis Ateis* (2010) by Imran Haaz and *Hantaran Kasih Tuhan* (2014) by Noorfadzillah Omar. The results of the analysis found that Galeri Ilmu Sdn. Bhd. outlines the publishing policies that can be referred as *Tarbiah Novel* publication guidelines, while PTS Sdn. Bhd. also outlines the publishing policies known as "The Technique of *Surah Yusuf*". The findings of the analysis also discovered that overall the studied novels highlighted their stability as a story, as emphasized in the manipulation of the narrative tools such as theme, moral, character and characteristic, plot and background. Furthermore, the Art Dimension and the Social Dimension are also recognized as important roles in the production and the appreciation of the popular novels published by both companies. By comparison, and overall, both Galeri Ilmu Sdn. Bhd. and PTS Sdn. Bhd. have publishing policies with clear publishing criteria, in line with their vision and publishing principles, and are manifested in the popular novels of both companies. Hopefully, these findings will be able to contribute significantly in enriching the corpus of scholarly research especially on popular novels.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Setulus dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Mohd. Zariat bin Abdul Rani, selaku penyelia yang banyak memberi tunjuk ajar dan teguran yang sangat bermakna dalam melengkapkan tesis ini sebaiknya. Tidak lupa juga, ucapan jutaan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan saya iaitu Profesor Madya Dr. Kamariah binti Kamarudin dan Dr. Muhd Zulkifli bin Ismail kerana membantu, memberikan komen dan nasihat yang berguna dalam menyiapkan penulisan tesis saya ini. Sesungguhnya, tanpa bimbingan mereka semua ini, tidak mungkin penulisan tesis ni dapat disempurnakan dengan jayanya. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada Perpustakaan Sultan Abdul Samad (UPM), Perpustakaan Utama (UM), Perpustakaan Tun Sri Lanang (UKM), Pusat Sumber Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (UKM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Syarikat Galeri Ilmu Sdn. Bhd dan PTS Sdn. Bhd. kerana memberikan kerjasama dan membantu saya dalam menyempurnakan kajian ini.

Sejuta kasih yang teristimewa saya tujukan kepada seluruh keluarga tercinta terutamanya kepada ayahanda, Md Arifin bin Abdullah dan bonda Siti Mariam binti Adam, serta adik beradik yang saya sayangi, Azlizam, Normar, Nor Hayati, Nur Shamimi dan Nur Shafina yang tidak jemu menyokong usaha ini dan banyak berkorban di kala diri ini memerlukan. Semoga kalian dipanatkan dengan kesejahteraan dan kebahagiaan sentiasa. Tidak lupa juga, buat teman-teman seperjuangan yang sama-sama berjuang menyiapkan pengajian ini. Semoga Allah S.W.T. membalas kalian dengan sesuatu yang lebih baik atas segala budi yang ditabur.

Nursuhada binti Md Arifin
Pengkalan Chepa, Kelantan.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 31 Oktober 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nursuhada binti Md Arifin bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Hubungan Dasar dengan Manifestasi Penerbitan dalam Novel Popular Terpilih" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Arba'ie bin Sujud, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Fazilah binti Husin, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Asmiaty binti Amat, PhD
Profesor Madya
Universiti Malaysia Sabah
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 April 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Muhd Zulkifli bin Ismail, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nursuhada binti Md Arifin (GS34070)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa Penyeliaan : Mohd. Zariat bin Abdul Rani

Tandatangan : _____

Nama Ahli
Jawatankuasa Penyeliaan : Kamariah binti Kamarudin

Tandatangan : _____

Nama Ahli
Jawatankuasa Penyeliaan : Muhd Zulkifli bin Ismail

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PENGAKUAN	vii
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB	
1	PENGENALAN
1.1	Pendahuluan 1
1.2	Sorotan Literatur 1
1.3	Permasalahan Kajian 8
1.4	Objektif Kajian 9
1.5	Justifikasi Pemilihan Pendekatan Kajian 9
1.6	Pengertian Kata Kunci dan Takrifan Operasional 10
	1.6.1 “Dasar Penerbitan” 10
	1.6.2 “Novel Popular” 11
1.7	Kriteria Pemilihan Bahan Kajian 12
1.8	Kepentingan Kajian 13
2	SOSIOLOGI SASTERA: SATU PENDEKATAN KAJIAN
2.1	Pengenalan 14
2.2	Sosiologi Sastera: Ringkasan Sejarah Serta Perkembangannya 14
	2.2.1 Sejarah Perkembangan Sosiologi di Barat 14
	2.2.2 Sejarah Perkembangan Sosiologi Sastera di Malaysia 15
2.3	Falsafah dan Prinsip Sosiologi Sastera 16
	2.3.1 Teks Sastera Sebagai Dokumen Sosiobudaya 17
	2.3.2 Penghasilan dan Pemasaran Teks Sastera 17
2.4	“Kaedah Integrasi dalam Kajian Sastera Berdasarkan Pendekatan Sosiologi Sastera” 18
	2.4.1 Dimensi Seni 19
	2.4.1.1 Aspek Tema 19
	2.4.1.2 Aspek Struktur 20
	2.4.2 Dimensi Sosial 23
	2.4.2.1 Ideologi 24
	2.4.2.2 Ekonomi 24
	2.4.2.3 Institusi 24
	2.4.2.4 Konvensi Sastera 25
	2.4.2.5 Budaya 25
2.5	Ikhtisar 25

3	DASAR PENERBITAN: GALERI ILMU SDN. BHD. DAN PTS SDN. BHD.	
3.1	Pengenalan	28
3.2	Kegiatan Penerbitan Novel Popular di Malaysia: Satu Perbincangan Ringkas	28
3.2.1	Kegiatan Novel Popular Tahun 1940-an	28
3.2.2	Kegiatan Novel Popular Tahun 1950-an	29
3.2.3	Kegiatan Novel Popular Tahun 1960-an	29
3.2.4	Kegiatan Novel Popular Tahun 1970-an	30
3.2.5	Kegiatan Novel Popular Tahun 1980-an	31
3.2.6	Kegiatan Novel Popular Tahun 1990-an	32
3.2.7	Kegiatan Novel Popular Tahun 2000-an	33
3.3	Syarikat Penerbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd.	34
3.3.1	Latar Belakang Penubuhan	34
3.3.2	Visi dan Misi Penubuhan	35
3.3.3	Prinsip dan Etika Kerja	35
3.3.4	Struktur Organisasi dan Operasi	36
3.3.5	Produk Penerbitan	37
3.3.6	Garis Panduan “Novel Tarbiah”	38
3.4	Syarikat Penerbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd.	40
3.4.1	Latar Belakang Penubuhan	40
3.4.2	Visi dan Misi Penubuhan	41
3.4.3	Prinsip dan Etika Kerja	41
3.4.4	Struktur Organisasi dan Operasi	42
3.4.5	Produk Penerbitan	43
3.4.6	Garis Panduan “Novel Islami”	44
3.5	Kesimpulan	46
4	DIMENSI SENI DAN DIMENSI SOSIAL: ANALISIS NOVEL-NOVEL POPULAR TERBITAN GALERI ILMU SDN. BHD. DAN PTS SDN. BHD.	
4.1	Pengenalan	48
4.2	Analisis Dimensi Seni dan Sosial Terhadap Novel Popular Terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd.	48
4.2.1	Analisis Novel <i>Relasi</i>	48
4.2.1.1	Analisis Dimensi Seni Novel <i>Relasi</i>	51
4.2.1.2	Hubungan Antara Dasar Penerbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dengan Novel <i>Relasi</i>	59
4.2.2	Analisis Novel <i>Tuhan Lebih Sainifik</i>	62
4.2.2.1	Analisis Dimensi Seni Novel <i>Tuhan Lebih Sainifik</i>	64
4.2.2.2	Hubungan Antara Dasar Penerbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dengan Novel <i>Tuhan Lebih Sainifik</i>	72
4.3	Analisis Dimensi Seni dan Sosial Terhadap Novel Popular Terbitan PTS Sdn. Bhd.	75
4.3.1	Analisis Novel <i>Syahadah Gadis Ateis</i>	75
4.3.1.1	Analisis Dimensi Seni Novel <i>Syahadah Gadis Ateis</i>	78

4.3.1.2	Hubungan Antara Dasar Penerbitan PTS Sdn. Bhd. dengan Novel <i>Syahadah Gadis Ateis</i>	85
4.3.2	Analisis Novel <i>Hantaran Kasih Tuhan</i>	87
4.3.2.1	Analisis Dimensi Seni Novel <i>Hantaran Kasih Tuhan</i>	89
4.3.2.2	Hubungan Antara Dasar Penerbitan PTS Sdn. Bhd. dengan Novel <i>Hantaran Kasih Tuhan</i>	96
5	PERBANDINGAN DAN KESIMPULAN	100
	BIBLIOGRAFI	104
	LAMPIRAN	109
	BIODATA PELAJAR	112

SENARAI SINGKATAN

<i>TSL</i>	<i>Tuhan Lebih Saintifik</i>
<i>SGA</i>	<i>Syahadah Gadis Ateis</i>
<i>HKT</i>	<i>Hantaran Kasih Tuhan</i>
<i>DBP</i>	Dewan Bahasa dan Pustaka
<i>ASAS 50</i>	Angkatan Sasterawan 50
<i>S.A.W</i>	Salla Allah 'Alayh Wa Sallam
<i>S.W.T</i>	Subhana Allah Ta'ala
<i>A.S.</i>	Alaihissalam



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Pada 14 hingga 15 Disember 2006, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur telah menganjurkan Bengkel Novel Popular dengan tema “Antara Komersialisme dengan Intelektualisme”. Bengkel selama 2 hari ini telah menghimpunkan sebanyak 16 kertas kerja yang rata-rata membahaskan tentang soal pertembungan antara mutu atau nilai kesasteraan, dengan populariti atau keuntungan material. Penganjuran bengkel ini dapat dianggap signifikan kerana ia dikatakan bertitik tolak daripada senario sastera pada dekad 2000-an yang menyaksikan penerbitan secara aktif novel-novel popular secara oleh syarikat-syarikat penerbitan swasta (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006). Dengan kata lain, kebanjiran novel-novel popular di pasaran buku tempatan menjadi satu fenomena sastera yang tidak dapat dipandang sepi pada dekad 2000-an. Tercetusnya fenomena sastera ini mendorong Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur iaitu satu badan yang berautoriti dalam perkembangan bahasa dan kesusasteraan kebangsaan, untuk menganjurkan bengkel yang khusus membicarakan tentang novel-novel popular tanah air. Sehubungan dengan perkembangan ini, satu perkara yang sukar dinafikan ialah kuasa pasaran atau adanya permintaan yang tinggi dalam kalangan pembaca awam terhadap novel-novel popular. Dapat dikatakan juga bahawa permintaan yang tinggi ini juga yang menjadi antara penyebab munculnya syarikat-syarikat penerbitan swasta yang beroperasi secara persendirian, tanpa bantuan atau sokongan daripada pihak berautoriti seperti kerajaan. Operasinya yang bersifat persendirian ini rata-rata menyebabkan orientasi syarikat-syarikat penerbitan swasta lebih terhadap keuntungan dan komersialisme. Hal ini berbeza dengan agensi-agensi penerbitan yang didukung oleh kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur atau Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), yang mampu untuk beroperasi bagi menjayakan idealisme kebangsaan. Merujuk kepada syarikat-syarikat penerbitan swasta ini, orientasi terhadap komersialisme ternyata telah mendorong mereka untuk merangka strategi-strategi penerbitan tertentu yang diharapkan dapat memancing minat pembaca dan sekali gus meningkatkan jualan sesebuah novel yang diterbitkan. Hal ini sekali gus menjadikan kegiatan penerbitan novel popular sepanjang dekad 2000-an begitu rancak serta berkembang pesat. Lebih signifikan lagi, perkembangan ini turut menarik perhatian para sarjana, pengkaji serta pengkritik sastera untuk meneliti serta mengkaji novel-novel popular yang terbit sepanjang tahun 2000-an. Penelitian serta pengkajian ini antaranya meliputi soal ciri-ciri novel popular, selain tidak kurang juga yang membincangkan tentang peranan syarikat penerbitan yang menerbitkan novel popular. Bahagian seterusnya akan menyoroti kajian-kajian ilmiah yang meneliti novel-novel Melayu popular sepanjang dekad 2000-an.

1.2 Sorotan Literatur

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, dekad 2000-an dianggap menawarkan pengamatan yang menarik tentang novel popular di Malaysia. Lanjutan itu, bahagian

ini akan menyoroti kajian-kajian ilmiah yang telah meneliti novel-novel Melayu popular sepanjang dekad 2000-an. Sorotan ini penting bagi memberikan gambaran yang lebih jelas dan berguna dalam usaha mengenal pasti ruang-ruang ilmiah yang dapat diisi oleh kajian ini nanti. Pengamatan awal mengenal pasti dua kecenderungan yang ketara dalam kajian-kajian ilmiah tentang novel-novel Melayu popular dekad 2000-an. Pertama, kajian-kajian ilmiah yang meneliti ciri-ciri novel popular sepanjang dekad 2000-an. Kedua, kajian-kajian ilmiah yang meneliti peranan syarikat penerbitan novel popular sepanjang dekad 2000-an. Sehubungan itu, bahagian ini akan menyoroti kajian-kajian ilmiah sedia ada dengan membahagikannya kepada dua sub topik berasaskan pada kedua-dua kecenderungan di atas. Seyogianya dijelaskan bahawa pembahagian ini tidak bersifat tegas, kerana tidak dinafikan terdapat beberapa kajian ilmiah yang menyerlahkan kedua-dua kecenderungan. Pembahagian sub topik ini lebih bertujuan untuk menyusun atur dapatan-dapatan yang diperolehi daripada kajian-kajian ilmiah yang disoroti, rata-rata bagi memudahkan pemahaman dan seterusnya pengenalpastian ruang-ruang ilmiah yang seterusnya dapat diisi oleh kajian ini.

Pengamatan ini dimulakan dengan meneliti kajian-kajian ilmiah yang meneliti novel-novel popular di Malaysia sepanjang dekad 2000-an. Untuk itu, pengamatan ini dimulakan dengan meneliti makalah oleh Kamariah Kamarudin (seterusnya Kamariah) bertajuk “Antara Komersialisme dengan Intelektualisme dalam Novel *Getaran Rindu*” (2006). Makalah ini antara lain membangkitkan persoalan tentang motif penulisan novel popular. Sehubungan itu, makalah ini diusahakan bagi mengenal pasti nilai-nilai komersialisme dan intelektualisme dalam sebuah novel popular dekad 2000-an bertajuk *Getaran Rindu* (2006) karya Norzailina Nordin yang diterbitkan oleh syarikat Alaf 21 Sdn. Bhd. Makalah Kamariah ini berpendapat bahawa novel popular terbit daripada kehendak syarikat penerbitan yang ingin mengaut keuntungan. Akan tetapi, tidak pula dinafikan hakikat bahawa terdapat novel yang membawa mesej-mesej yang berguna kepada pembaca. Dalam konteks ini, novel *Getaran Rindu* karya Norzailina Nordin didapati bukan sahaja menyerlahkan ciri-ciri komersialisme, tetapi turut mengandungi mesej-mesej yang berguna. Hal ini jelas apabila novel tersebut didapati menggarap tema percintaan lelaki-perempuan, dengan garapan plot yang mudah, serta penggunaan bahasa yang santai. Kesemua ini dianggap sebagai ciri yang cenderung terhadap tuntutan komersialisme. Akan tetap, tidak dinafikan bahawa novel karya Norzailina Nordin itu turut mengemukakan persoalan-persoalan yang berguna seperti hubungan keluarga dan keagamaan. Selain itu, novel tersebut juga didapati memberikan maklumat yang berfaedah tentang negara-negara luar yang turut menjadi latar cerita dalam novel (Kamariah, 2006: 11-12).

Seterusnya, menerusi makalah Misran Rokimin (seterusnya Misran) bertajuk “Novel Popular Lebih Nilai Komersial daripada Nilai Intelektual: Kajian Teks Novel *Pasrah Kasih* Karya Mazia Harris” (2006). Makalah ini antara lain membangkitkan isu tentang novel popular yang didakwa oleh sesetengah pihak, lebih menitikberatkan tuntutan komersialisme dan justeru, memberikan manfaat kepada khalayak pembaca. Dalam hal ini, Misran berpendapat bahawa novel popular tetap memainkan peranan terutamanya dalam memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat. Dengan pendapat ini, makalah Misran meneliti novel *Pasrah Kasih* (2005) karya Mazia Harris. Kajian Misran merumuskan bahawa *Pasrah Kasih* merupakan sebuah novel yang ringan. Rumusan ini diasaskan kepada pilihan terhadap tema percintaan romantik muda-mudi, yang digarap melalui plot yang ringkas. Tema serta garapan plot yang sedemikian

dianggap cenderung terhadap tuntutan komersialisme kerana mudah difahami oleh pembaca awam. Selain itu, tema percintaan muda-mudi juga dianggap lebih digemari oleh pembaca. Walau bagaimanapun, hal ini tidak mengkhakis penghargaan Misran terhadap novel *Pasrah Kasih*. Misran berpendapat bahawa tidak salah membaca bahan bacaan yang ringan asalkan ia dapat memupuk budaya membaca. Pemupukan minat membaca ini penting bagi membolehkan pembaca untuk meningkatkan tahap pemikiran, dan seterusnya memungkinan mereka beralih kepada bahan-bahan bacaan yang lebih serius (Misran, 2006: 11).

Seterusnya, Mohd. Zariat Abdul Rani (seterusnya Mohd. Zariat) dalam artikelnya bertajuk “A Love Blessed by God: Narratives in the Popular Islamic Novels of Malaysia” (2014) turut membangkitkan tentang kemunculan fenomena novel popular Islami di Malaysia. Fenomena ini merujuk kepada sambutan luar biasa pembaca awam terhadap novel-novel yang memperagakan ciri-ciri keislaman pada aspek luaran novel seperti ilustrasi kulit novel yang cenderung menampilkan wajah wanita yang bertudung dan berpurdah. Selain itu ialah judul novel yang rata-rata menggandingkan perkataan dalam bahasa Melayu dengan bahasa Arab. Begitu juga rangsang sari atau *blurb* novel yang jelas mengaitkan novel dengan Islam, serta Islam dengan cinta. Dengan penampilannya yang cenderung terhadap Islam, Mohd. Zariat menjelaskan bahawa novel-novel popular pada penghujung dekad 2000-an mendapat permintaan yang tinggi daripada pembaca awam. Permintaan ini dikatakan telah menarik perhatian syarikat-syarikat penerbitan swasta seperti PTS Sdn. Bhd., Galeri Ilmu Sdn. Bhd., Buku Prima Sdn. Bhd. dan Telaga Biru Sdn Bhd. untuk memberikan fokus terhadap penerbitan novel-novel yang berunsurkan Islam. Adalah jelas pada pengamatan Mohd. Zariat bahawa novel popular pada pertengahan dekad 2000-an menyaksikan perubahan ciri yang ketara, iaitu cenderung menampilkan imej-imej yang berunsurkan Islam. Dengan perubahan aspek luaran novel ini, artikel ini bertujuan meneliti tema-tema yang digarap dalam novel-novel popular Islami, serta mengaitkannya dengan unsur-unsur Islam yang diperagakan pada aspek luaran novel. Untuk itu, artikel ini menganalisis dua novel popular Islami iaitu *Melakar Cinta Firdausi* (2009) karya Nurul Aini K. Azhari & Aimi Nabihah Mohamad terbitan PTS Litera Sdn. Bhd., dan novel *Ya Fatah; Cinta Sakti* (2009) karya Noorfadzilah terbitan Buku Prima Sdn. Bhd. Analisis Mohd. Zariat mendapati bahawa kedua-dua novel yang dikaji menggarap tema percintaan lelaki-perempuan yang diasaskan pada skema moral Islam. Hal ini jelas apabila kisah percintaan lelaki-perempuan yang dipaparkan itu sejajar dengan lunas-lunas Islam. Dalam konteks ini, artikel Mohd. Zariat merumuskan bahawa novel-novel popular Islami pada penghujung dekad 2000-an rata-rata masih mengekalkan tema yang sama iaitu percintaan, sebagaimana yang turut dominan dalam novel-novel popular awal 2000-an (Mohd. Zariat, 2014: 132).

Pengamatan yang sama turut diamati oleh Koh Young Hun dan Umami Hani Abu Hassan (seterusnya Koh dan Umami Hani) dalam artikel bertajuk “Fenomena Novel Popular Islam di Malaysia dan Indonesia: Bacaan Khusus Terhadap Novel *Ayat-Ayat Cinta* dan *Salju Sakinah*” (2015). Artikel ini membangkitkan tentang fenomena novel popular Islami yang dikatakan melanda Malaysia dan Indonesia pada penghujung dekad 2000-an. Artikel ini bertujuan untuk meneliti persamaan dan perbezaan fenomena novel popular Islami antara Malaysia dan Indonesia. Untuk itu, artikel ini menganalisis novel *Ayat-Ayat Cinta* (2006) karya Habiburrahman El-Shirazy dan *Salju Sakinah* (2008) karya Zaid Akhtar sebagai bahan kajian. Koh dan Umami Hani

berpendapat bahawa fenomena novel popular Islami muncul di Indonesia sebagai reaksi terhadap dominasi “sastra wangi” yang cenderung terhadap unsur-unsur erotik. Fenomena ini bermula dengan sambutan luar biasa terhadap novel *Ayat-Ayat Cinta* karya Habiburrahman El-Shirazy yang terbit pada tahun 2006. Di Malaysia pula, fenomena yang sama dikatakan muncul pada akhir 2008, kesan daripada kemasukan novel-novel popular Islami Indonesia ke pasaran tempatan. Dalam hal ini, peranan syarikat-syarikat penerbitan rata-rata dianggap signifikan. Umpamanya, Hidayah Publisher yang mendapat hak untuk menerbitkan serta mengedarkan semua novel Islami karya Habiburrahman El-Shirazy di Malaysia, Singapura, Brunei dan Filipina. Setelah itu, muncul pula syarikat-syarikat penerbitan lain seperti PTS Sdn. Bhd., Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dan Telaga Biru Sdn. Bhd., yang kemudiannya giat menerbitkan novel-novel popular Islami karya para novelis tanah air. Merujuk kepada novel-novel Islami yang dikaji, Koh dan Ummu Hani menjelaskan bahawa terdapat beberapa persamaan dari segi latar belakang kedua-dua novelis. Habiburrahman El-Shirazy dan Zaid Akhtar sama-sama berkelulusan dalam bidang pengajian Islam dan menguasai bahasa Arab. Turut sama ialah rekod penerbitan kedua-dua buah novel. *Ayat Ayat Cinta* pada asalnya terbit secara mingguan dalam akhbar *Republika*, sama seperti *Salju Sakinah* yang terlebih dahulu terbit secara berkala dalam akhbar *Utusan Malaysia*. Selain itu, *Ayat Ayat Cinta* dan *Salju Sakinah* didapati sarat dengan unsur khutbah dan nasihat yang diasaskan kepada al-Quran dan as-Sunah. Kedua-dua novel juga tidak menghadirkan babak hubungan intim lelaki-perempuan atau babak berunsur ganas. Adalah jelas bahawa kedua-dua novel berusaha menyampaikan dakwah Islamiah kepada pembaca. Merujuk kepada perbezaan pula, analisis Koh dan Ummu Hani mengenal pasti kelainan mesej antara kedua-dua novel popular yang dikaji itu. *Ayat Ayat Cinta* didapati membawakan mesej hubungan antara agama, iaitu Islam dengan Kristian. Manakala, *Salju Sakinah* pula mengutarakan mesej berkaitan pendidikan dan ajaran sesat di Malaysia. Artikel ini berpendapat bahawa mesej yang diutarakan oleh *Ayat Ayat Cinta* lebih mantap, berbanding *Salju Sakinah*. Kemantapan mesej ini dikaitkan pula dengan situasi Islam di Indonesia yang dianggap lebih mencabar, berbanding di Malaysia. Akan tetapi, perbezaan mesej ini dianggap tidak menjejaskan kesejajaran pendekatan kedua-dua novelis yang dianggap sama-sama memanfaatkan novel popular sebagai wadah untuk menyampaikan dakwah Islamiah secara berkesan (Koh & Ummi Hani, 2015: 101).

Seiring dengan pemahaman di atas, pengamatan awal turut mengenal pasti beberapa kajian yang meneliti peranan syarikat penerbitan dalam kegiatan penghasilan novel popular dekad 2000-an. Soal peranan syarikat penerbitan ini telah terlebih dahulu mendapat perhatian sebagaimana yang diperlihatkan tesis sarjana oleh Suraiya Pauzi (seterusnya Suraiya) bertajuk “Galeri Ilmu Sdn. Bhd: Pengurusan Penerbitan Majalah Berunsur Islam” (2004). Tesis Suraiya ini, antaranya membangkitkan permasalahan tentang penerbitan bahan-bahan bacaan awam yang dianggap tidak memberikan manfaat kepada pembaca. Pengamatan awal Suraiya menjelaskan bahawa bahan-bahan bacaan yang berunsurkan agama serta mengandungi mesej-mesej yang baik, tidak menarik minat kebanyakan syarikat penerbitan kerana dikatakan tidak bernilai komersial. Dalam konteks ini, syarikat penerbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dilihat berbeza kerana cenderung menerbitkan bahan-bahan bacaan berunsurkan Islam. Dengan kecenderungan ini, tesis ini meneliti peranan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dalam penerbitan majalah berunsurkan Islam. Tesis ini bertujuan menganalisis aspek pengurusan Galeri Ilmu Sdn. Bhd., dan menganalisis majalah-majalah berunsur Islam terbitan syarikat tersebut. Untuk itu, tesis ini menganalisis majalah *Anis* dan majalah

Asuh. Kedua-dua majalah ini dikatakan mendapat sambutan hebat daripada khalayak pembaca, khususnya daripada golongan kanak-kanak serta wanita. Tesis sarjana ini merumuskan bahawa Galeri Ilmu Sdn. Bhd. mempunyai dasar pengurusan serta penerbitan yang berteraskan nilai-nilai Islam. Hal ini jelas dimanifestasikan pada visi serta misi Galeri Ilmu Sdn. Bhd., yang menjadikan institusi keluarga sebagai sasaran utama pendidikan. Selain itu, Galeri Ilmu Sdn. Bhd. berhasrat untuk memberikan perkhidmatan profesional serta beretika dalam bidang perkhidmatan media, dan menjadi pusat sehenti (*one stop media centre*) bagi penerbitan media. Syarikat ini juga didapati menjunjung falsafah penerbitan, iaitu memperluaskan ilmu tauhid dengan melahirkan rasa kehambaan dalam kalangan penulis, penggerak syarikat, pembaca dan pelanggan media. Galeri Ilmu Sdn. Bhd. juga didapati mengemukakan konsep “menarik dan mendidik” dalam operasi penerbitannya. Menurut Suraiya, dasar pengurusan serta penerbitan di atas jelas mendasari penerbitan majalah *Anis* dan majalah *Asuh*. Kedua-dua majalah yang dikaji itu, antaranya memuatkan panduan, berita dan isu semasa, yang dianggap dapat memberi pengajaran yang baik kepada pembaca. Dengan isi kandungan sedemikian serta sambutan pembaca terhadapnya, penerbitan majalah *Anis* dan majalah *Asuh* dianggap mencabar persepsi syarikat penerbitan yang menganggap penerbitan bahan-bahan bacaan yang berunsurkan agama tidak bernilai komersial (Suraiya, 2004: 144).

Sorotan ini diteruskan lagi dengan meneliti tesis sarjana oleh Nasirah Mohd. Ghazali (seterusnya Nasirah) bertajuk “Strategi Pemasaran Novel Melayu: Tumpuan kepada Penerbit Alaf 21 Sdn. Bhd.” (2006). Tesis Nasirah ini membangkitkan soal perkembangan industri penerbitan novel popular yang dikatakan semakin pesat pada dekad 2000-an. Kepesatan ini dapat dilihat pada lambakan novel-novel popular dalam pasaran awam di Malaysia. Hal ini dikaitkan pula dengan pentingnya peranan syarikat penerbitan, terutamanya aspek strategi pemasaran novel popular. Dengan kepentingan itu, tesis ini memberikan fokus terhadap Alaf 21 Sdn. Bhd. yang dianggap antara syarikat penerbitan yang berjaya dalam penerbitan novel popular pada dekad 2000-an. Tesis ini menganalisis strategi Alaf 21 Sdn. Bhd. dalam pemasaran novel popular. Analisis ini diasaskan pada kerangka analisis yang menggabungkan teori 4P atau *4P's Marketing* oleh Mc Carthy E. Jerome dan konsep “Campuran Pemasaran” oleh Philip G. Kotler. Berasaskan kerangka analisis ini, tesis sarjana ini mengenal pasti beberapa strategi pemasaran yang dianggap menyumbang kepada kejayaan Alaf 21 Sdn. Bhd. dalam penerbitan novel popular. Antaranya, strategi syarikat tersebut yang menekankan kualiti cerita, persembahan grafik yang menarik, mewujudkan gaya terbitan (*house style*) tersendiri, harga produk yang rendah, sasaran angka jualan yang tinggi, dan kepekaan terhadap cita rasa pembaca awam. Selain itu, Alaf 21 Sdn. Bhd. juga didapati melaksanakan strategi yang memanfaatkan pelbagai saluran pengedaran seperti sistem jualan langsung, sistem langganan dan sistem pengedar. Strategi pemasaran yang sedemikian dianggap membolehkan Alaf 21 Sdn. Bhd. mencapai kejayaan yang begitu memberangsangkan dalam penerbitan novel Melayu popular sepanjang dekad 2000-an (Nasirah, 2006: 111).

Seterusnya, pengamatan ini beralih terhadap artikel Mohd. Zariat Abdul Rani (seterusnya Mohd. Zariat) bertajuk “Materialisme, Islam dan Nilai Kesasteraan: Satu Penelitian Terhadap Novel-novel Islami Terbitan PTS Sdn. Bhd. Berdasarkan Persuratan Baru” (2013). Artikel ini antara lain membincangkan tentang pertembungan antara idealisme dengan tuntutan materialisme dalam penerbitan novel popular.

Perbincangan ini diasaskan kepada novel-novel terbitan PTS Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat penerbitan yang aktif menerbitkan novel-novel popular terutamanya yang berunsurkan Islam pada penghujung dekad 2000-an. Kajian ini bertitik tolak daripada kenyataan PTS Sdn. Bhd. yang berpendapat bahawa tuntutan komersialisme tidak semestinya mengabaikan kualiti karya sastera. Selain itu, turut dibangkitkan ialah dasar penerbitan PTS Sdn. Bhd. yang berteraskan Islam, atau disebutnya sendiri sebagai “*Syariah Compliant*” atau “Patuh Syariah”. Dengan latar belakang ini, artikel Mohd. Zariat menganalisis dua novel popular terbitan PTS Sdn. Bhd., iaitu *Salju Sakinah* (2008) karya Zaid Akhtar dan *Warkah Cinta Berbau Syurga* (2008) karya A. Ubaidillah Alias, bagi mengenal pasti kualiti kedua-dua novel tersebut. Analisis ini menerapkan kerangka Persuratan Baru yang menekankan ilmu serta pemikiran sebagai prinsip utama yang menentukan kualiti karya sastera. Dengan menerapkan Persuratan Baru ini, artikel ini merumuskan bahawa kedua-dua novel PTS Sdn. Bhd. yang dikaji tidak memperlihatkan usaha-usaha yang serius dalam mengetengahkan ilmu serta pemikiran. Sehubungan itu, analisis ini juga mendapati bahawa kedua-dua novel yang dikaji lebih cenderung dalam memaparkan kisah cinta (Mohd. Zariat, 2013: 29).

Seterusnya, sorotan ini beralih terhadap artikel Ungku Maimunah Mohd. Tahir (seterusnya Ungku Maimunah) bertajuk “Tarbiah dan Manifestasi Tarbiah dalam Novel Popular Islami di Malaysia” (2015). Artikel ini mengamati perkembangan semasa dalam penerbitan novel popular, yang menyaksikan munculnya fenomena novel popular Islami. Berkaitan dengan fenomena ini, artikel Ungku Maimunah membangkitkan soal kecenderungan mengaitkan novel popular dengan simbol-simbol Islam seperti ungkapan “tarbiah” atau “pendidikan”. Dengan memberikan fokus terhadap takrif dan manifestasi “tarbiah”, artikel ini menganalisis tiga novel terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. iaitu *Kasih Terpilih* karya Ummu Itqan (2010), *Keimanan Cinta* karya Munie Asra (2011), dan *Syahadah Rindu* karya Nurin Hana (2011). Novel-novel ini diperagakan oleh Galeri Ilmu Sdn. Bhd. sebagai “Novel Tarbiah” (sebagaimana yang tercetak pada kulit novel *Keimanan Cinta* dan novel *Syahadah Rindu*), dan “Novel Tarbiah Dewasa” (sebagaimana yang tercetak pada kulit novel *Kasih Terpilih*). Analisis ini diasaskan kepada satu kerangka yang bersifat eklektik (gabungan), yang antaranya menggabungkan beberapa aspek seperti proses sosial yang turut mempengaruhi penghasilan karya sastera iaitu faktor ideologi, ekonomi, institusi, konvensi sastera dan budaya. Semua faktor ini terangkum dalam apa yang diungkapkan oleh Ungku Maimunah sebagai “Kaedah Integrasi dalam Kajian Sastera”. Kaedah ini dimanfaatkan bagi mewajarkan konteks penghasilan serta hal-hal berkaitan dengannya, diambil kira dalam penelitian novel popular. Lebih penting lagi, kerangka analisis yang bersifat eklektik (gabungan) ini memberikan perhatian yang besar terhadap konsep “wacana” yang dicetuskan oleh Mohd. Affandi Hassan dalam gagasan Persuratan Baru dan diasaskan kepada kerangka *taklif*. Selain itu, turut diberikan perhatian ialah konsep *intellectual discourse* yang berorientasikan Islam dan dicetuskan oleh Zakaria Sungib. Dengan menerapkan kerangka ini, analisis Ungku Maimunah berhasil mengenal pasti takrif “tarbiah” yang dimanifestasikan dalam novel-novel yang dikaji. Dalam hal ini, “tarbiah” rata-rata dimanifestasikan melalui kehadiran watak-watak bermoral tinggi, ketiadaan babak-babak kurang hormat, serta mesej-mesej keislaman. Tidak kurang penting ialah dapatan Ungku Maimunah bahawa ketiga-tiga novel yang dikaji, rata-rata menjadi kisah cinta sebagai teras penceritaan. Kisah cinta yang diikat pada nilai-nilai Islam ini diperagakan sebagai *intellectual discourse* atau “wacana intelektual”, yang bertujuan untuk menyampaikan pendidikan atau “tarbiah” (Ungku Maimunah, 2015: 169).

Sorotan terhadap kajian-kajian ilmiah sedia ada seperti di atas menjelaskan beberapa pemahaman penting tentang novel-novel popular di Malaysia sepanjang dekad 2000-an. Pemahaman-pemahaman ini berguna bagi mencetuskan ruang-ruang ilmiah yang seterusnya dapat dimanfaatkan sebagai permasalahan untuk kajian ini. Sebagaimana yang telah dinyatakan, pengamatan awal dapat mengesan dua kecenderungan ketara dalam kajian-kajian ilmiah tentang novel-novel popular di Malaysia sepanjang dekad 2000-an, iaitu kecenderungan dalam meneliti ciri-ciri novel popular serta peranan syarikat penerbitan. Dalam konteks kedua-dua kecenderungan ini, sorotan terhadap kajian-kajian ilmiah di atas menjelaskan beberapa pemahaman penting untuk diujahkan.

Pertama, kecenderungan novel-novel popular awal 2000-an terhadap tema-tema cinta romantis yang dianggap menjadi kegemaran golongan pembaca yang rata-rata terdiri dalam kalangan remaja dan muda-mudi. Tema cinta romantis ini rata-rata dianggap sebagai tema-tema ringan dan tidak serius, serta tidak menuntut kepada daya intelektual pembacanya yang tinggi, sebagaimana yang jelas disimpulkan dalam kajian-kajian ilmiah oleh Kamariah Kamarudin (2006) dan Misran Rokimin (2006) yang telah disoroti di atas.

Kedua, kajian-kajian ilmiah yang disoroti turut menjelaskan tentang perubahan ciri novel popular yang terbit pada pertengahan hingga penghujung dekad 2000-an. Perubahan ini merujuk kepada kecenderungan terhadap tema cinta yang akur terhadap skema moral Islam. Seiring dengan garapan tema cinta Islami ini ialah kecenderungan memperagakan imej-imej keislaman pada aspek-aspek luaran novel seperti judul, ilustrasi kulit dan rangsang sari (*blurb*) novel, sebagaimana yang diamati oleh Mohd. Zariat Abdul Rani (2014), dan Koh Young Hun dan Ummi Hani Abu Hassan (2015), yang telah disoroti di atas.

Ketiga, dan berkaitan dengan perubahan di atas ialah peranan aktif yang dimainkan oleh syarikat-syarikat penerbitan novel popular sepanjang dekad 2000-an. Peranan aktif ini antaranya meliputi dasar penerbitan termasuk prinsip perniagaan serta strategi pemasaran yang dianggap memainkan peranan penting dalam penerbitan novel popular. Dalam konteks ini, kajian-kajian ilmiah yang disoroti di atas, antaranya sudah pun meneliti peranan beberapa syarikat penerbitan tempatan seperti Alaf 21 Sdn. Bhd., sebagaimana yang dikaji dalam kajian-kajian oleh Nasirah Mohd Ghazali (2006) yang telah disoroti di atas. Merujuk kepada peranan syarikat-syarikat penerbitan ini, kajian ilmiah yang disoroti di atas rata-rata membangkitkan soal peranan syarikat penerbitan dalam penghasilan novel popular sepanjang dekad 2000-an.

Lebih relevan lagi ialah dapatan kajian oleh Suraiya Pauzi (2004) yang meneliti tentang peranan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dalam penerbitan dua majalah berunsur Islam yang popular, iaitu *Anis* dan *Asuh*. Sorotan terhadap kajian Suraiya Pauzi menjelaskan bagaimana visi serta misi syarikat penerbitan iaitu Galeri Ilmu Sdn. Bhd. yang bercirikan Islam itu, dimanifestasikan dengan jelas pada isi kandungan kedua-dua majalah popular itu. Lebih menarik lagi, kajian Suraiya Pauzi turut menyimpulkan bahawa isi kandungan majalah yang sarat dengan topik-topik berkaitan Islam, menjadi penyebab majalah *Anis* dan majalah *Asuh* ini mendapat sambutan hangat daripada

pembaca awam. Dengan kata lain, kajian Suraiya Pauzi memperakukan perubahan selera pembaca awam pada pertengahan dekad 2000-an yang mulai cenderung terhadap Islam. Sebagaimana yang jelas pada judul serta dapatan, kajian Suraiya Pauzi ini hanya menjadikan majalah terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. sebagai bahan kajiannya, serta tidak sama sekali menyentuh tentang genre-genre sastera terutamanya novel yang turut diterbitkan oleh syarikat penerbitan itu. Hakikat ini dengan sendirinya membuka ruang ilmiah terhadap pengkajian novel-novel popular terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

Seterusnya, dalam konteks novel-novel popular terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd., kajian Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2015), antaranya meneliti tiga novel terbitan syarikat penerbitan tersebut di bawah label novel “Tarbiah” dan “Tarbiah Dewasa”. Dengan meneliti novel *Kasih Terpilih* (2010) karya Ummu Itqan, novel *Keimanan Cinta* (2011) karya Munie Asra, dan novel *Syahadah Rindu* (2011) karya Nurin Hana, artikel Ungku Maimunah ini memfokuskan perbincangan tentang konsep “tarbiah” yang dikonsepsikan oleh Galeri Ilmu Sdn. Bhd., sebagaimana yang dimanifestasikan melalui ketiga-tiga novel yang dikaji itu. Dengan fokus terhadap *intellectual discourse* ini, artikel Ungku Maimunah ini turut membuka ruang ilmiah terhadap pengkajian yang lebih mendalam tentang aspek penghasilan novel dan kaitannya dengan dasar penerbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd., khususnya dalam manifestasinya yang berbeza daripada ketiga-tiga novel yang telah diamati oleh Ungku Maimunah itu. Penelitian terhadap novel-novel yang berbeza ini dianggap penting, terutamanya dalam memperluaskan lagi ufuk pengkajian terhadap novel-novel terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

Demikian juga artikel Mohd. Zariat (2013) yang membahaskan persoalan materialisme, Islam dan nilai kesusasteraan, dengan menjadikan dua novel popular Islami terbitan PTS Sdn. Bhd. iaitu *Salju Sakinah* (2008) karya Zaid Akhtar dan novel *Warkah Cinta Berbau Syurga* (2008) karya A. Ubaidillah Alias, sebagai bahan kajian. Kedua-dua novel ini dianalisis berdasarkan kerangka Persuratan Baru cetusan Mohd. Affandi Hassan, yang menekankan konsep “ilmu yang benar” di sisi Islam, yang pada asasnya membezakan antara “karya sastera” dengan “karya persuratan”. Sebagaimana artikel Ungku Maimunah (2015), fokus artikel Mohd. Zariat terhadap soal mutu sastera dan materialisme turut membuka ruang ilmiah terhadap pengkajian yang lebih mendalam terhadap novel-novel terbitan PTS Sdn. Bhd., khususnya aspek penghasilan novel dan kaitannya dengan dasar penerbitan, terutamanya dalam konteks novel-novel yang berbeza daripada yang telah diamati oleh Mohd. Zariat.

1.3 Permasalahan Kajian

Sesungguhnya, kehadiran kajian-kajian ilmiah di atas, dengan sendirinya mengundang satu kajian ilmiah khususnya pada tahap tesis sarjana, untuk melanjutkan penelitian terhadap novel-novel terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dan PTS Sdn. Bhd. yang lebih mutakhir. Hal ini kerana berdasarkan kepada pengamatan awal, selepas penerbitan novel-novel yang telah dikaji itu iaitu 2008 hingga 2011, kedua-dua syarikat penerbitan tersebut dilihat masih aktif dalam menerbitkan novel-novel popular sekurang-kurangnya sehingga tahun 2014. Berdasarkan kepada perkembangan ini, kajian ini mengenal pasti dua potensi atau ruang ilmiah yang tersedia untuk diisi oleh kajian ini.

Pertama, perlunya satu kajian ilmiah untuk meneliti novel-novel terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dan PTS Sdn. Bhd. antara tahun 2010 hingga 2014. Kedua, perlunya juga satu kajian ilmiah yang secara khusus membandingkan novel-novel terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd., dengan novel-novel terbitan PTS Sdn. Bhd., dengan memberikan perhatian terhadap hubungan antara dasar penerbitan dengan manifestasinya dalam novel-novel yang diterbitkan oleh kedua-dua buah syarikat penerbitan. Hal ini kerana sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, belum ada kajian ilmiah yang secara khusus membandingkan novel-novel terbitan kedua-dua syarikat penerbitan tersebut terutamanya aspek penerbitan novel dan hubungannya dengan dasar penerbitan.

Bertitik tolak daripada kedua-dua dua potensi atau ruang ilmiah yang diujahkan di atas, kajian ini diusahakan dengan memberikan fokus terhadap dasar penerbitan dan hubungannya dengan novel-novel yang diterbitkan oleh Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dan PTS Sdn. Bhd.

1.4 Objektif Kajian

Lanjutan daripada permasalahan di atas, kajian ini diusahakan bagi mencapai objektif-objektif berikut:-

1. Meneliti dasar penerbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dan PTS Sdn. Bhd.,
2. Menganalisis isi kandungan novel-novel terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. Dan PTS Sdn. Bhd., dan
3. Membandingkan hubungan antara dasar dengan manifestasi penerbitan dalam novel-novel terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dan PTS Sdn. Bhd.

1.5 Justifikasi Pemilihan Pendekatan Kajian

Dalam usaha merealisasikan objektif-objektif kajian, dan sekali gus merungkaikan permasalahan yang dibangkitkan di atas, kajian ini memilih untuk memanfaatkan Sosiologi Sastera sebagai pendekatan kajian. Perlu dijelaskan bahawa Sosiologi Sastera hadir dengan falsafah dan prinsip yang kemudiannya memayungi pembentukan “Kaedah Integrasi dalam Kajian Sastera”. Dengan kata lain, “Kaedah Integrasi dalam Kajian Sastera” sebagai terjemahan terhadap falsafah serta prinsip Sosiologi Sastera. “Kaedah Integrasi dalam Kajian Sastera” hadir dalam bentuk dimensi serta aspek-aspek khusus, yang dapat dijadikan sebagai alatan analisis (*analytical tool*) bagi tujuan menganalisis teks-teks yang dikaji. Justeru, pemilihan Sosiologi Sastera termasuk “Kaedah Integrasi dalam Kajian Sastera”, didasarkan kepada dua kriteria yang turut mengambil kira objektif-objektif serta permasalahan kajian.

Pertama, falsafah Sosiologi Sastera yang memperakukan “karya sastera sebagai satu dokumen sosial”. Sebagai satu “dokumen sosial”, penghasilan karya sastera dianggap banyak dipengaruhi oleh aspek penghasilan dan pemasaran yang melibatkan peranan penerbit karya sastera. Dalam hal ini, secara prinsipnya, penerbitan karya sastera dianggap dipengaruhi oleh ideologi sastera yang menjadi pegangan syarikat penerbitan.

Dengan falsafah serta prinsip yang sedemikian, Sosiologi Sastera dianggap menawarkan satu pendekatan yang membolehkan kajian ini untuk mengaitkan dasar-dasar penerbitan yang menjadi pegangan syarikat penerbitan yang dikaji iaitu Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dan PTS Sdn. Bhd., dengan novel-novel yang diterbitkan oleh kedua-dua syarikat penerbitan tersebut, sebagaimana yang terangkum dalam objektif kajian ini.

Kedua, “Kaedah Integrasi dalam Kajian Sastera” yang tercetus daripada falsafah serta prinsip Sosiologi Sastera yang dijelaskan di atas pula menawarkan dimensi serta aspek-aspek khusus, dapat diguna pakai untuk tujuan analisis teks-teks yang dikaji. Sebagaimana yang telah dinyatakan, “Kaedah Integrasi dalam Kajian Sastera” bukan sahaja tidak bertentangan, malah mendukung falsafah serta prinsip Sosiologi Sastera yang menjadi pendekatan kajian. “Kaedah Integrasi dalam Kajian Sastera”, antaranya mengandungi “Dimensi Seni” yang merujuk kepada karya sastera itu sendiri, dan “Dimensi Sosial” yang merujuk kepada aspek-aspek yang melingkungi penghasilan sesebuah karya sastera. Terangkum di bawah “Dimensi Seni” ialah aspek-aspek yang terkandung serta mendirikan struktur sesebuah karya sastera seperti aspek tema, aspek watak dan perwatakan, aspek plot, aspek latar dan aspek pengajaran. Manakala, “Dimensi Sosial” pula antaranya merujuk kepada aspek ideologi, aspek ekonomi, aspek institusi, aspek konvensi sastera, dan aspek budaya. Kedua-dua dimensi serta aspek-aspek yang terangkum di bawahnya itu, sesuai serta dapat memperincikan lagi objektif kajian ini, iaitu merumuskan manifestasi dasar penerbitan terhadap novel-novel yang diterbitkan. Penjelasan lanjut serta terperinci tentang Sosiologi Sastera termasuk “Kaedah Integrasi dalam Kajian Sastera” akan dilakukan dalam Bab 2 kajian ini. Pada tahap ini, apa yang penting dijelaskan ialah pemilihannya sebagai pendekatan kajian dianggap sejajar serta dapat membantu kajian ini untuk mencapai objektif-objektifnya, dan sekali gus merungkaikan permasalahan kajian ini.

1.5 Pengertian Kata Kunci dan Takrifan Operasional

Seterusnya, dalam usaha memantapkan fokus kajian ini, perbincangan selanjutnya akan membincangkan dua istilah penting yang mendasari kajian ini. Dua istilah yang akan diberikan takrifan secara mendalam dan terperinci ialah “dasar penerbitan” dan “novel popular”.

1.5.1 “Dasar Penerbitan”

Merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016: 317), “dasar” bermaksud asas, prinsip, teras serta pendirian yang menjadi asas kepada segala tindakan. Manakala, dalam bahasa Inggeris pula, takrif “dasar” sama dengan istilah “*policy*”. Sehubungan itu, merujuk *Merriam Webster’s Collegiate Dictionary* (2003: 960), “*policy*” bermaksud pengurusan atau prosedur berdasarkan kepada kepentingan sesuatu produk (material), serta syarat atau terma yang diberikan untuk memberi bimbingan atau menentukan sesuatu keputusan pada masa kini dan hadapan. Berdasarkan kepada penjelasan yang diberikan kedua-dua kamus di atas, dapat dirumuskan bahawa “dasar” atau “*policy*” merujuk kepada visi, misi, prinsip serta termasuk etika kerja yang menunjangi sesebuah

organisasi atau syarikat yang sekali gus mencorakkan produk atau hasil pengeluarannya.

Manakala, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016: 1668) pula mendefinisikan “penerbitan” sebagai “perihal menerbitkan, urusan atau pekerjaan menerbitkan majalah dan lain-lain”. Dalam bahasa Inggeris, istilah yang menampung pengertian yang sama dengan “penerbitan” ialah “*publication*”. *Merriam Webster’s Collegiate Dictionary* (2003: 1005) menjelaskan bahawa “*publication*” bermaksud “perihal penerbitan (proses penerbitan), atau kerja-kerja penerbitan”, sebagaimana yang dijelaskan “*the act or process of publishing, published work*”. Berdasarkan kepada penjelasan yang diberikan kedua-dua kamus di atas, dapat dirumuskan bahawa “penerbitan” atau dalam bahasa Inggeris disebut sebagai “*publication*” rata-rata merujuk kepada kerja-kerja penerbitan dan pencetakan yang menghasilkan produk-produk penerbitan seperti novel, buku, majalah dan sebagainya.

Berdasarkan kepada maksud yang terkandung dalam kedua-dua istilah (iaitu “dasar” dan “penerbitan”) yang dijelaskan di atas, dapat dirumuskan bahawa istilah “dasar penerbitan” dalam konteks kajian ini merujuk kepada “visi, misi, prinsip serta termasuk etika kerja yang menunjangi sesebuah organisasi atau syarikat penerbitan, yang sekali gus mencorakkan produk atau hasil pengeluarannya seperti novel, buku, majalah dan sebagainya”. Berdasarkan kepada takrifan ini, kajian ini meneliti hubungan antara dasar penerbitan dengan manifestasinya dalam novel-novel popular yang dikaji.

1.5.2 “Novel Popular ”

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016: 1086), “novel” bermaksud cerita dalam bentuk prosa yang biasanya panjang dan kompleks, dan berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial.

Seterusnya, menurut S. Othman Kelantan dan Abdullah Tahir (2003: 1), perkataan “*novel*” dalam bahasa Inggeris dipinjam daripada bahasa Itali (*novella* atau *novellete*) yang bermaksud satu bentuk penceritaan yang panjang dan memberi cerminan kehidupan realiti mengenai manusia. Selain itu, mereka turut menjelaskan lagi bahawa novel menonjolkan sifat kenyataan hidup manusia, menentukan arah dan tujuan (S. Othman dan Abdullah, 2003: 1).

Berdasarkan kepada penjelasan yang diberikan di atas, dapat dirumuskan bahawa takrif atau maksud “novel” merujuk kepada cereka atau cerita yang panjang serta kompleks yang banyak menggambarkan kehidupan realiti manusia atau pengalaman manusia dan kelakuan sosial.

Seterusnya, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016: 1225) menjelaskan maksud “popular” sebagai “digemari atau disukai ramai, perihal popular (terkenal)”. Sehubungan itu, terdapat beberapa pemahaman penting bagi mengetahui konsep “novel popular”,

antaranya dengan mengambil beberapa pandangan atau pendapat tokoh sarjana tempatan, Barat dan juga pengkaji-pengkaji sastera.

Hugh Holman dan William Harmon (1992: 368) berpendapat bahawa “novel popular” dapat dinilai berdasarkan kepada jumlah atau kuantiti sesebuah karya tersebut dijual. Dengan kata lain, ia turut diukur berdasarkan banyak atau sedikit jumlah sesebuah karya atau naskhah yang terjual dalam pasaran (Holman dan Harmon, 1992: 368).

Selanjutnya, T. Alias Taib (2001: 23) pula berpendapat bahawa “novel popular” ialah novel yang laris jualannya di pasaran sehingga mencapai 50 ribu naskhah di Malaysia (mengambil senario perkembangan di Malaysia) dan ia juga dipanggil mahakarya dan dikategorikan sebagai buku sastera popular (T. Alias Taib, 2001: 23).

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa “novel popular” merujuk kepada novel yang laris jualannya di pasaran, dicetak berulang kali serta mencatatkan angka jualan yang tinggi dalam konteks pasaran tempatan iaitu dalam konteks kajian ini ialah Malaysia dan pasaran novel bahasa Melayu. Takrifan inilah yang mendasari maksud “novel popular” dan diguna pakai dalam kajian ini, terutamanya dijadikan sebagai kriteria pemilihan bahan kajian.

1.6 Kriteria Pemilihan Bahan Kajian

Dengan mengambil kira objektif-objektif serta permasalahan yang telah dibangkitkan di atas, kajian ini memilih 4 buah novel iaitu dua terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd., manakala dua lagi terbitan PTS Sdn. Bhd., sebagai bahan kajian. Pemilihan novel-novel yang dikaji ini diasaskan kepada dua kriteria iaitu:

Pertama, bahan yang dikaji merupakan novel-novel yang diterbitkan oleh Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dan PTS Sdn. Bhd. antara tahun 2010 hingga 2014, iaitu satu tempoh cakupan masa yang lebih luas dan terkini, berbanding kajian yang telah dilakukan oleh Ungku Maimunah (2015) dan Mohd. Zariat (2014), sebagaimana yang telah diteliti dalam bahagian Sorotan Literatur. Dengan kriteria ini, novel-novel yang dikaji dalam kajian ini dapat dianggap masih belum dikaji secara meluas terutamanya dalam konteks kajian oleh Ungku Maimunah (2015) dan Mohd. Zariat (2014), dan justeru dianggap berpotensi untuk menawarkan hasil-hasil penemuan yang baharu, atau sekurang-kurangnya tidak terangkum dalam kedua-dua kajian yang telah dikaji itu.

Kedua, dan sebagaimana yang telah dinyatakan, novel-novel yang dikaji ini juga merupakan novel-novel terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. dan PTS Sdn. Bhd. yang dapat dianggap popular. Populariti ini dapat diamati pada angka jualan novel-novel yang dikaji yang ada antaranya mencecah hingga 12 ribu naskhah. Dengan demikian, “novel popular” dalam konteks kajian ini rata-rata merujuk kepada “novel-novel yang laris terjual di pasaran sebagaimana yang dapat diamati pada angka jualan novel”. Bab 4

iaitu pada awal analisis setiap novel yang dikaji akan secara khusus menjelaskan tentang angka jualan novel-novel yang telah dipilih sebagai bahan kajian.

Berdasarkan kedua-dua kriteria pemilihan bahan kajian di atas, novel-novel terbitan Galeri Ilmu Sdn. Bhd. yang dipilih sebagai bahan kajian ialah i) *Relasi* (2013) karya Hilal Asyraf (terjual sebanyak 7000 naskhah), dan ii) *Tuhan Lebih Sainifik* (2013) karya Farhan Hadi (terjual sebanyak 12000 naskhah). Manakala, novel-novel terbitan PTS Sdn. Bhd. pula yang dipilih sebagai bahan kajian pula ialah i) *Syahadah Gadis Ateis* (2010) karya Imran Haaz (terjual sebanyak 5828 naskhah), dan ii) *Hantaran Kasih Tuhan* (2014) karya Noorfadzillah Omar (terjual sebanyak 5034 naskhah).

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan yang signifikan khususnya dalam mengisi ruang-ruang ilmiah yang dijelaskan pada awal kajian. Sumbangan ini diharap dapat memperkayakan lagi korpus penyelidikan ilmiah mengenai novel popular di Malaysia terutamanya dekad 2000-an.

Selain itu, kajian ini juga diharap dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada syarikat-syarikat penerbitan, khususnya dalam bidang penerbitan novel Melayu. Hal ini kerana kajian dijangka dapat memberikan sumbangan dari segi kepentingan dasar penerbitan dalam penghasilan produk penerbitan seperti novel. Secara keseluruhannya, kajian ini berserta dapatan-dapatan juga diharap memperkayakan lagi kepustakaan ilmu kesusasteraan.

BIBLIOGRAFI

- Admua M.N. (2008). *Penghayatan Novel Panas Salju*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Mohd. (2009). PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. (23 Disember 2009) <http://penerbitpts.blogspot.my/2009/12/pts-publications-distributors-sdn-bhd.html> (Diakses pada 30 April 2014).
- Ainon Mohd. (2009). PTS Islamika Sdn. Bhd. (20 Disember 2009). <http://penerbitpts.blogspot.my/2009/12/pts-islamika-sdn-bhd.html> (Diakses pada 29 April 2014).
- Ainon Mohd. (2009). PTS Net Media. Sdn. Bhd. (13 Disember 2009). <http://penerbitpts.blogspot.my/2010/07/netmedia-sdn.html> (Diakses pada 30 April 2014).
- Ainon Mohd. (2009). Litera Utama Sdn. Bhd. (17 Disember 2009). <http://penerbitpts.blogspot.my/2009/12/pts-litera-utama-sdn-bhd.html> (Diakses pada 30 April 2014).
- Ainon Mohd. (2010). Individu-individu Penting dalam Pengurusan PTS. (17 Januari 2010). <http://penerbitpts.blogspot.my/2009/10/individu-individu-penting-dalam.html> (Diakses pada 30 April 2014).
- Ainon Mohd. (2011a). Desain Kaver Novel Cinta Islami PTS Diberi Imej Baru (16 Jun 2011). http://universitipts.com/index.php/site/comments/desain_kaver_novel_cinta_pts_diberi_imej_baru (Diakses pada 30 April 2014).
- Ainon Mohd. (2011b). *Panduan Menulis Novel Teknik Surah Yusuf*. Selangor: PTS Professional.
- Ali Ahmad. (1989). *Asas Menganalisa Cereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amer Mukhlis. (2013). Review Novel *Hantaran Kasih Tuhan* (8 Julai 2013) https://www.goodreads.com/review/show/662376745?book_show_action=true&from_review_page=1 (Diakses pada 31 Disember 2017).
- Amir Abdul Hamid. (2013). Karya yang Tidak Diterima Editor (31 Julai 2013). <http://amirgaleri.blogspot.my/2013/07/karya-yang-tidak-diterima-editor.html>. (Diakses pada 27 April 2014).
- Anahashim. (2013). Review Novel *Relasi*. (3 Jun 2013) https://www.goodreads.com/review/show/631672021?book_show_action=true&from_review_page=1 (Diakses pada 30 Disember 2017).
- Anahashim. (2014). Review Novel *Tuhan Lebih Sainifik*. (16 Januari 2014). https://www.goodreads.com/review/show/825141954?book_show_action=true&from_review_page=1 (Diakses pada 30 Disember 2017).

- Babae Siamak. (2001). *An Introduction to Fictional Terms*. Iran: Kashan University English Department.
- Boulton Marjorie. (1975). *The Anatomy of The Novel*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Buletin Galeri*. (2013). Layar Consult. Diakses melalui <http://buletingaleri.blogspot.my/p/produk-layar-consult.html> (Diakses pada 10 Mei 2015).
- Buletin Galeri*. (2013). Tim Pemasaran. Diakses melalui <http://buletingaleri.blogspot.my/p/blog-link.html> (Diakses pada 10 Mei 2015).
- Buletin Galeri*. (2013). Produk Terbitan. <http://buletingaleri.blogspot.my/p/anugerah.html> (Diakses pada 10 Mei 2015).
- Ctriko. (2014). Review Novel *Hantaran Kasih Tuhan*. (11 November 2014). https://www.goodreads.com/review/show/1104145776?book_show_action=true&from_review_page=1 (Diakses pada 31 Desember 2017).
- Deanaapril. (2014). Drama Bersiri Novel Adaptasi *Salju Sakinah*. (17 Oktober 2014) <https://deanaaprilsipenulis.blogspot.my/2014/10/drama-bersiri-adaptasi-novel-salju.html> (Diakses pada 29 April 2016).
- Exavid. (2013). Review Novel *Relasi* (10 Julai 2013). https://www.goodreads.com/review/show/664435751?book_show_action=true&from_review_page=1 (Diakses pada 31 Desember 2017).
- Farhan Hadi. (2013). *Tuhan Lebih Saintifik*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Forster, E.M. (1966). *Aspect of The Novel*. England: Peguin Books.
- Galeri Ilmu Sdn. Bhd.* (2016). Profil Syarikat: Pengenalan. <http://www.galerilimu.com/profil-syarikat> (Diakses pada 29 April 2016).
- Galeri Ilmu Sdn. Bhd.* (2016). Produk Kategori. <http://galeriilmu.com/v4/index.php?route=product/category&path=59> (Diakses pada 29 April 2016).
- Hilal Asyraf. (2013). *Relasi*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Hugh Clarence Holman, Harmon William. (1992). *A Handbook to Literature 6th Edition*. New York: Prentice Hall.
- Holman, H.C. dan Harmon, W. (1980). *A Handbook to Literature*. New York: The Odyssey Press.
- Imran Haaz. (2010). *Syahadah Gadis Ateis*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.

- Ina Dayana Hilmi. (2010). Review Novel *Syahadah Gadis* (29 Julai 2010). *Ateis*.https://www.goodreads.com/book/show/7889922-syahadah-gadis-ateis?ac=1&from_search=true (Diakses pada 31 Disember 2017).
- Kamariah Kamarudin. (2006). Antara Komersialisme dengan Intelektualisme dalam Novel *Getaran Rindu*. Bengkel Novel Popular. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koh Young Hun dan Ummi Hani Abu Hassan. (2015). Fenomena Novel Popular Islam di Malaysia dan Indonesia: Bacaan Khusus Terhadap Novel *Ayat-Ayat Cinta* dan *Salju Sakinah*. *Jurnal Melayu*. Bil (14). Halaman.92-102
- Mana Sikana. (2006). *Kritikan Sastera Melayu Moden*. Singapura: Pustaka Karya.
- Merriam Webster's Collegiate Dictionary Eleventh Edition*. (2003). United States of America.
- Misran Rokimin. (2006). Novel Popular Lebih Nilai Komersial daripada Nilai Intelektual: Kajian Teks Novel *Pasrah Kasih* Karya Mazia Harris. Bengkel Novel Popular. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2006). Tiga Dekad Penerbitan Novel di Malaysia. Dalam Hamed Mohd Adnan dan Ana Nadhya Abrar, *Penerbitan Malaysia-Indonesia Mengukuhkan Jaringan Penerbitan Serantau*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2013). Materialisme, Islam dan Nilai Kesasteraan: Satu Penelitian Terhadap Novel-novel Popular Islami Terbitan PTS Sdn. Bhd. Berdasarkan Persuratan Baru. *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu*.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2014). A Love Blessed by God: Narratives in the Popular Islamic Novels of Malaysia. *Southeast Asia Journal*, 23 (3), halaman.103-138.
- Nasirah Mohd Ghazali. (2006). Strategi Pemasaran Novel Melayu: Tumpuan kepada Penerbit Alaf 21. Ijazah Sarjana. Fakulti Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nisa. (2010). Review Novel *Syahadah Gadis Ateis*. (20 Ogos 2010). https://www.goodreads.com/book/show/7889922-syahadah-gadis-ateis?ac=1&from_search=true (Diakses pada 31 Disember 2017).
- Noorfadzillah Omar. (2014). *Hantaran Kasih Tuhan*. Batu Caves: PTS Litera Utama. Sdn. Bhd.

- Perrine, Laurence. (1988). *Literature: Structure, Sound and Sense*. Florida: Harcourt Brace Jovanovich.
- PTS Sdn. Bhd.* (2016). Sejarah PTS. <http://pts.com.my/pengenalan> (Diakses pada 9 April 2016).
- PTS Sdn. Bhd.* (2016). Soalan Lazim. <http://pts.com.my/faq> (Diakses pada 6 April 2016).
- PTS Sdn. Bhd.* (2016). Staf PTS. <http://pts.com.my/staf> (diakses pada 10 April 2016).
- PTS Sdn. Bhd.* (2016). Katalog Novel Dewasa. <http://pts.com.my/katalog/C/novel-dewasa> (Diakses pada 6 April 2016).
- PTS Sdn. Bhd.* (2016). Katalog Islam. <http://pts.com.my/katalog/C/Islam/> (Diakses pada 6 April 2016).
- PTS Sdn. Bhd.* (2016). Katalog Sejarah. <http://pts.com.my/katalog/C/sejarah/> (Diakses pada 6 April 2016).
- PTS Sdn. Bhd.* (2016). Katalog Bisnes dan Pengurusan. http://pts.com.my/katalog/C/bisnes_pengurusan/ (Diakses pada 6 April 2016).
- Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors. Sdn. Bhd.
- S. Othman Kelantan. (1985). *Teknik Mengkaji Novel (Dalaman dan Luaran)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan dan Abdullah Tahir. (2003). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsiah Mohd Nor. (2012). Ekspresi Bahasa Wanita dalam Novel-novel Popular. Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sohaimi Abdul Aziz. (1992). *Mobiliti Sosial Perspektif Barat dan Islam dalam Novel Terpilih Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suraiya Pauzi. (2004). Galeri Ilmu Sdn. Bhd: Pengurusan Penerbitan Majalah Berunsur Islam. Ijazah Sarjana. Fakulti Pengajian Media. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shahnnon Ahmad. (1989). *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharif Putera dan Hasrina Baharum. (2008). *Penghayatan Novel Julia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- T. Alias Taib. (2001). *Mencari Nilai dan Tema Sastera Popular*. Dewan Sastera. Julai. Halaman (22-23).

- Umar Junus. (1986). *Sosiologi Sastera Persoalan Teori dan Metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (1995). Kaedah Integrasi dalam Kajian Sastera. Dalam S. Jaafar Husin. *Penelitian Sastera: Sastera dan Penerapan Teori*. Halaman (47-64). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2015). Takrif dan Manifestasi “Tarbiah” dalam Novel Popular Islami di Malaysia. *Jurnal Mahawangsa*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Wan Faizuddin. (2013). Review Novel *Tuhan Lebih Sainifik*. (30 Julai 2013). https://www.goodreads.com/review/show/681140047?book_show_action=true&from_review_page=1 (Diakses pada 31 Disember 2017).
- Zahiruddin Zabidi. (2011). Fenomena Novel Cinta Berunsur Agama. (7 Ogos 2011). http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0807&sec=Sastera&pg=sa_02.html (Diakses pada 26 April 2014).
- Zakaria Sungib. (2008). Media untuk Dakwah. (12 Oktober 2008) <http://zakaria-sungib.blogspot.com/2008/10/media-untuk-dakwah.html> (Diakses pada 29 April 2014).
- Zakaria Sungib. (2012). Kriteria-kriteria Fiksyen Islami @ Fiksyen Tarbiah. (21 Disember 2012). Diakses melalui <http://amirgaleri.blogspot.com/2012/12/kriteria-karya-fiksyen-islami-fiksyen.html> (Diakses pada 29 April 2014).